

22 APR 1998

SYARIKAT MSIA, THAI TUBUH KERJASAMA BAGI KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Kota Minerals and Chemicals Sdn Bhd (KMC) akan menjalin kerjasama strategik dengan syarikat pembinaan Thailand, All Star Chemical Company Ltd, bagi memberi perkhidmatan kepada Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA).

Menurut kenyataan KMC, yang mempunyai kepakaran dalam pekhidmatan mencari gali cecair dan kejuruteraan kepada industri minyak, hari ini bahawa sebuah syarikat usahasama akan ditubuhkan untuk melaksanakan projek tersebut.

Usahasama itu merupakan satu sejarah dalam industri minyak dan gas Thailand dengan penceburan tempatan dalam menyediakan perkhidmatan menggali cecair dan kejuruteraan, katanya.

KMC akan memiliki 51 peratus ekuiti dalam syarikat usahasama itu dengan All Star memegang ekuiti selebihnya. Syarikat usahasama itu akan mempunyai modal terbitan dan berbayar sebanyak RM200,000 dan modal dibenar RM1.0 juta. Ia dijadualkan memulakan operasi dalam dua tahun.

Perjanjian pemegang saham ditandatangani di hadapan Menteri Luar Thailand Dr Surin Pitsuwan.

Upacara itu dibuat sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Songkhla untuk menyaksikan upacara menandatangani dua perjanjian pembelian di antara Malaysia dan Thailand, bersama-sama Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai. -- BERNAMA

YY JR OS